

Lelaki mengaku salah curi bateri milik Sarawak Energy dipenjara enam bulan

KUCHING: Seorang lelaki dipenjara enam bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mencuri komponen telekomunikasi iaitu sebuah bateri DC 12 volt milik Sarawak Energy Berhad sehingga menimbulkan kerugian RM1,000.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Ling Hui Chuan terhadap Franky Linggi, 30, yang tidak diwakili peguam dan dituduh mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali,

jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pengadu iaitu pekerja syarikat utiliti menerima panggilan daripada petugas yang memaklumkan bahawa penggera di sebuah pencawang elektrik di Taman Mei Lee, Lorong Stakan 6 di sini, telah berbunyi sekitar jam 11 malam pada 12 Mei 2026.

Susulan itu, pengadu bergegas ke lokasi bersama rakan sekerja dan setibanya mereka di tempat kejadian, mereka ternampak tertuduh berada di dalam kawasan pencawang berkenaan.

Tertuduh cuba melarikan diri namun berjaya ditahan bersama barang rampasan,

sebelum diserahkan kepada polis untuk tangkapan semula.

Antara barangan yang dirampas termasuk sebuah bateri DC 12 volt, pemutar skru, spanar boleh laras dan playar yang dipercayai digunakan dalam kejadian itu.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh terlibat dengan perbuatan mencuri komponen telekomunikasi di lokasi kejadian, sekali gus telah mengganggu fungsi kemudahan rangkaian komunikasi.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin.